



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN MELETAK MEJA MAKAN ATAS KAKI LIMA

1. Jalan-jalan yang boleh dibenarkan ialah jalan-jalan hadapan atau sisi kedai yang melebihi 20 kaki lebar, tidak di jalan besar atau protokol dan kebenaran hanya untuk tepi longkang tau sisi kedai sahaja setakat garisan tempat letak kereta .
2. Masa yang dibenarkan meletakkan meja hanya bermula jam 7.00 malam hingga jam 5.00 pagi.
3. Peniaga bertanggungjawab mengawai tiada kenderaan atau halangan di tempat selepas kawasan meletak meja yang dibenarkan yang boleh menghalang laluan awam. Sekiranya ini berlaku, pelesen restoran boleh di ambil tindakan undang-undang.
4. Sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku akibat daripada meletakkan meja di luar ini adalah tanggungjawab pelesen atau pengusaha restoran.
5. Restoran yang dibenarkan hanyalah restoran biasa, tidak premis bir.
6. Aktiviti memasak tidak dibenarkan dilakukan di luar premis (kaki lima, di atas jalan).
7. Pelesen hendaklah menyediakan satu tong sampah khas disekitar tempat letak meja.
8. Setiap kali selepas berniaga tapak itu hendaklah dibersihkan.
9. Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan kebenaran meletakkan meja di luar seperti yang ditetapkan oleh Majlis.
10. Kebenaran untuk meletakkan meja makan adalah tertakluk kepada pihak Majlis kebenaran yang diberikan adalah bersifat sementara dan boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Yang Dipertua.
11. Pelesen hendaklah menjelaskan permit meletakkan meja berjumlah rm 1.00 x 1 meja x 1 hari beserta bayaran deposit berjumlah **RM 300.00 (TIGA RATUS RINGGIT)**



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN MELETAK MEJA MAKAN ATAS KAKI LIMA

12. Sekiranya kebenaran tersebut mendatangkan aduan atau kacau gangu , dan setelah do siasat aduan adalah benar , permit boleh dibatalkan
13. Sekiranya lokasi meletakkan meja menggunakan premis orang lain, kebenaran bertulis daripada pemilik premis berkenaan hendaklah diperolehi.
14. Pelesen hendaklah menyediakan kon keselamatan atau tanda reserved parking disetiap lot yang diluluskan untuk meletakkan meja.